

LAWAT...Dr. Ismail (dua dari kiri) melawat pameran pada majlis itu.



UMS komited bantu kerajaan banteras rasuah

OLEH MARRYAN RAZAN dan THERENES VOO

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited membantu kerajaan membanteras gejala rasuah dengan melaksanakan pelbagai program pendidikan mengenai bahaya rasuah.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, melalui program dan aktiviti yang dilaksanakan itu diharap dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran kepada para pelajar terutamanya para pemimpin Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengenai bahaya rasuah, seterusnya menerapkan nilai-nilai kepimpinan kepada semua lapisan masyarakat.

"Program seperti ini tepat pada masanya kerana mahasiswa dan siswi bakal melangkah ke alam pekerjaan kelak dan bakal menjadi pemimpin negara pada masa akan datang.

"Selain melahirkan graduan yang cemerlang, setiap universiti juga bertanggungjawab melahirkan graduan yang mempunyai jati diri yang kukuh agar tidak terpengaruh dengan anasir seperti rasuah yang boleh menghakis kredibiliti graduan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan sempena perasmian Konvensyen Malaysia Bebas Rasuah bersama Badan-Badan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IP-

TA) seluruh Malaysia, anjuran Sekretariat Pencegahan Rasuah UMS, Bangunan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali.

Dr. Mohd Harun berkata program seperti ini mampu membuka mata para pelajar khususnya dan masyarakat umumnya tentang bahaya rasuah yang mampu memberikan titik hitam dalam kehidupan seseorang.

"Oleh itu para pelajar bukan sahaja dibekalkan dengan maklumat berkaitan bahaya rasuah melalui program ini tetapi juga jati diri mereka dapat dipupuk untuk membanteras rasuah dan anasir-ansair negatif.

"Selain itu, program ini juga dapat mencungkil dan menajamkan kebolehan memimpin dalam kalangan ahli jawatankuasa pelaksana," katanya.

Katanya ia secara tidak langsung meningkatkan motivasi dalam kalangan mahasiswa untuk melakukan yang terbaik dalam setiap tugas.

Beliau berharap program seumpama ini menjadi medan pertemuan antara mahasiswa dan siswi dengan masyarakat untuk menyampaikan mesej positif seterusnya memberi inspirasi kepada semua.

Konvensyen itu disertai pelajar IPTA daripada UMS, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putera



RASMI...Dr. Ismail memalu gong sebagai tanda perasmian konvensyen itu.

Malaysia (UPM), Politeknik Kota Kinabalu dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Sementara itu ketika ditemui pemberita, Dr. Ismail berkata, konvensyen itu berkaitan kesedaran tentang bahaya rasuah dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya warga universiti.

"Isu rasuah di negara kita semakin sukar sebab itu kita percaya antara kaedah yang dapat mengurangkan isu itu ialah

dengan menerapkan pendidikan bahaya rasuah di kalangan pelajar IPTA.

"Ini kerana, selepas ini mereka akan berada dalam dunia pekerjaan. Saya percaya kalau kesedaran tentang bahaya rasuah dapat diterapkan di kalangan pelajar, isu rasuah dapat dikurangkan," katanya.

Katanya lagi, agenda kesedaran bahaya rasuah penting untuk menuju negara maju, Wawasan 2020.